

28/07/2000

Gilir KM: PM serah kepada rakyat Sabah

KOTA KINABALU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada rakyat Sabah dan Barisan Nasional (BN) negeri menentukan sama ada meneruskan atau tidak sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah kepada pemimpin tiga kaum utama di negeri ini.

Perdana Menteri berkata, jika rakyat Sabah mahu membuat perubahan berhubung sistem itu, ia adalah keputusan mereka.

"Saya fikir terpulang kepada rakyat Sabah, bukan saya memutuskannya. Jika mereka rasa selesa mereka boleh teruskan. Jika mereka nak ubah, terpulang kepada mereka," katanya.

Menjawab soalan pemberita selepas merasmikan kongres keenam Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Upko) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata BN Sabah boleh membuat keputusan mengenai perkara itu.

Setakat ini, katanya, sistem itu berjalan lancar dan tiada masalah.

Mengenai dakwaan pembangkang bahawa sistem penggiliran itu menjejaskan program pembangunan, Dr Mahathir berkata sebenarnya ada kesinambungan dalam agenda pembangunan sekalipun berlaku pertukaran Ketua Menteri.

"Ahli Kabinet terus kekal dan yang jadi Ketua Menteri pun tidak ada halangan kalau dia nak terus berkhidmat dalam Kabinet," katanya.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri diperkenalkan sejak 1994. Ketika ini, Osu menyandang jawatan Ketua Menteri bagi kuota Bumiputera Islam sehingga Mac tahun depan.

Kebelakangan ini tercetus polemik di kalangan parti Bumiputera bukan Islam dalam BN Sabah, yang masing-masing menuntut hak jawatan berkenaan selepas ini.

Mengenai enam Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menyertai BN menerusi Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) pada 23 April lalu dan belum diketahui statusnya, Dr Mahathir berkata jika ada masalah perundangan, ia perlu diselesaikan segera.

"Tetapi PBS tentu tahu bahawa orang ini tidak berminat menjadi ahli PBS, untuk apa dia nak paksa," katanya.

Enam Adun terbabit ialah Datuk Dr Jeffrey Kitingan (Bingkor), Louis Rampas (Kiulu), Johnny Goh (Inanam), Atong Mangabis (Matunggong), Karim Adam (Kundasang) dan Edward Linggu Bukut (Tamparuli).

Perdana Menteri yang tiba semalam untuk lawatan rasmi tiga hari berkata, politik Sabah di bawah BN kini sudah stabil dan rakyatnya semakin matang dan dewasa berbanding dahulu.

Berucap di majlis itu, Dr Mahathir berkata sistem satu parti belum sesuai diperkenalkan di negara ini sebaliknya konsep politik perkongsian BN adalah yang terbaik bagi masyarakat pelbagai kaum.

Kerajaan lebih suka kepada konsep parti campuran seperti BN yang menggabungkan 14 parti mewakili pelbagai kaum kerana setiap parti boleh menyuarakan pandangan kaum mereka.

"Kita masih mempunyai perasaan yang tebal berkenaan kaum dan belum sampai masanya kita membentuk sebuah parti yang terbuka kepada semua kaum kerana ada kemungkinan kaum lebih ramai mendominasi parti politik sebegini," katanya.

(END)